



Fail: (33) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

13 Januari 2012

SIARAN MEDIA
62,263 UNIT TONG SISA MUDAH ALIH TELAH DIEDARKAN
DI PREMIS PERUMAHAN SEHINGGA DISEMBER 2011

Kuala Lumpur, 13 Disember 2012 – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPT) memaklumkan bahawa pengedaran Tong Sisa Pepejal Mudah Alih kepada premis perumahan di bawah Negeri yang melaksanakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 telah bermula sejak September 2011.

2. Chor menegaskan, “ Sehingga setakat ini 43,263 unit tong di Kuala Lumpur telah diedarkan oleh syarikat konsesi Alam Flora Sdn Bhd; 14,000 unit tong di Bandaraya Johor Bahru oleh syarikat konsesi SWM Environment Sdn Bhd dan 5,000 unit tong di Bandaraya Kedah oleh Environment Idaman Sdn Bhd.”

3. Beliau menambah, “ Pemberian tong sampah mudah alih berkapasiti 120 liter ini merupakan salah satu usaha Kerajaan di dalam meningkatkan keberkesanan pengurusan sisa pepejal ke arah persekitaran lestari . Selain daripada memudahkan proses kutipan sampah ia juga menjamin persekitaran yang lebih bersih kerana tong sisa mudah alih mempunyai penutup dan mampu menghalang cairan daripada keluar. Tong sisa mudah alih yang boleh menampung sehingga 50 kg sisa ini akan di kendali dengan menggunakan lori yang mempunyai penyangkut tong ‘ *bin lifter*’.

4. Sebanyak 3 juta unit tong sisa mudah alih akan diedarkan secara berperingkat kepada premis perumahan. Pengagihan tong ini dijangka dapat diselesaikan sebelum 1 September 2012 untuk Dewan/Majlis Bandaraya, 1 September 2013 untuk Majlis Perbandaran dan 1 September 2014 untuk Majlis Daerah.

5. Pengagihan ini dibuat oleh syarikat konsesi di negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Mekanisme pemberian tong kepada premis perumahan adalah mudah dan cepat. Penerima

sama ada tuan premis rumah atau penyewa premis rumah hanya perlu menandatangani borang penerimaan dan sebagai pengesahan bukti penerima perlu mengemukakan bil elektrik ATAU bil air ATAU cukai pintu. Ingin ditekankan tiada transaksi pembayaran dikenakan.

6. Negeri yang melaksanakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007:

- a) Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang – Syarikat Konsesi Alam Flora Sdn Bhd
- b) Perlis dan Kedah – Syarika Konsesi Environment Idaman Sdn Bhd
- c) Negeri Sembilan, Melaka dan Johor Baru – SWM Environment Sdn Bhd

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mail : pro@kpkt.gov.my